



# KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

## DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA

Tel: 03-8000 8000  
Faks: 03-8889 5542  
Email: anhisham@moh.gov.my

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KKM.600-29/4/146 Jld. 9 (50)

Tarikh : 13 Januari 2021

### SENARAI EDARAN

*YBhg. Datuk/Dato' Indera/Dato'/Datin/Tuan/Puan,*

### SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 2/2021

### PENGURUSAN KES COVID-19 DAN KONTAK RAPAT SEMASA PANDEMIK COVID-19 PADA TAHUN 2021

#### 1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan tatacara pengurusan kes COVID-19 tanpa gejala dan bergejala ringan di tempat kediaman.

#### 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Pada Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN): Pengurusan COVID-19 Bil. 1 Tahun 2021 pada 4 Januari 2021 dan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan Bencana KKM pada 11 Januari 2021 telah bersetuju untuk kes positif COVID-19 kategori 1 (yang tidak bergejala - asimptomatik) dan kategori 2 (bergejala ringan) untuk diisolasi di rumah / tempat kediaman / hotel atau Pusat Kuarantin dan Rawatan Risiko Rendah (PKRC) atau hospital, mengikut kesesuaian tempat kediaman kes.
- 2.2 Bagi negeri yang mempunyai kapasiti yang mencukupi untuk menguruskan kes COVID-19, kes-kes boleh diuruskan menggunakan Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia Edisi 5.

### 3. PENGURUSAN KES POSITIF COVID-19 DI TEMPAT KEDIAMAN

- 3.1 Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) akan menerima notifikasi kes COVID-19 daripada pengamal perubatan atau mendapat senarai kes melalui aplikasi MySejahtera.
- 3.2 Senarai kes positif ini akan disediakan oleh PKD sekali setiap hari, untuk dihubungi bagi menilai status kesihatan kes, tahap keseriusan penyakit dan kesesuaian untuk diisolasi di rumah.
- 3.3 Satu Pusat Penilaian COVID-19 (*COVID-19 Assessment Centre - CAC*) perlu diwujudkan bagi melakukan penilaian ke atas pesakit. Ia merangkumi penilaian klinikal, sokongan anggota keluarga serta kesesuaian tempat kediaman untuk menjalani isolasi di premis tersebut.
- 3.4 Pihak Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) perlu mengenalpasti lokasi yang bersesuaian bagi CAC ini, sama ada di fasiliti kesihatan primer (klinik kesihatan (KK), Klinik Desa (KD), Klinik Komuniti, Klinik Kesihatan Ibu dan Anak (KKIA)) atau PKRC.
- 3.5 Kaedah penilaian boleh dilakukan secara fizikal atau maya (*virtual consultation*) menggunakan senarai semak yang disertakan di Lampiran 1. Disyorkan agar penilaian pertama dibuat secara fizikal.
- 3.6 Ringkasan carta alir proses kerja pengurusan kes adalah seperti di Lampiran 2.
- 3.7 Garispanduan *Clinical Protocol at Primary Care for Category 1 and Category 2 COVID-19 Cases* disertakan untuk rujukan.
- 3.8 Kes COVID-19 yang dikesan dalam kalangan pekerja industri boleh diuruskan mengikut tatacara seperti di bawah:
  - 3.8.1 Kes positif COVID-19 kategori 1 dan 2 diisolasi di asrama pekerja mengikut kesesuaian premis terbabit. Sekiranya tidak bersesuaian, majikan hendaklah menyediakan premis yang bersesuaian

seperti hotel dan selari dengan subperaturan (1A) dalam peraturan 2 Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Layanan Perubatan dan Penyaraan Orang yang Dipindahkan ke Stesen Kuarantin) (No. 2) (Pindaan) 2020 [P.U.(A)402/2020].

3.8.2 Manakala apabila pegawai diberi kuasa mengarahkan majikan supaya pekerja asing di bawah penggajiannya menjalani ujian pengesanan COVID-19, majikan perlu menanggung kos ujian tersebut jika ia dilakukan di fasiliti kesihatan atau makmal yang diuruskan oleh Kerajaan; seperti yang dinyatakan dalam subperaturan (3) peraturan 3 Peraturan-peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Fi bagi Ujian Pengesanan Penyakit Koronavirus 2019) (COVID-19) (Pindaan) (No. 2) 2020 [P.U.(A)401/2020].

#### **4. PENGURUSAN KLUSTER COVID-19 DAN KONTAK RAPAT**

- 4.1 Pengesanan dan pengasingan kontak rapat amat penting bagi memutuskan penularan jangkitan COVID-19.
- 4.2 Semua kontak rapat hendaklah dikenalpasti dan diarahkan pengasingan dan pemerhatian di rumah. Walau bagaimanapun, ujian pengesanan COVID-19 hanya dijalankan ke atas kontak rapat yang bergejala SAHAJA.
- 4.3 Bilangan sampel yang diambil adalah bergantung saiz kohort iaitu bilangan keseluruhan individu yang terdedah dalam kluster tersebut:
  - a) sekiranya kurang dari 50 orang, memadai diambil 20 sampel; dan
  - b) sekiranya melebihi 50 orang, memadai 30 sampel atau 10% mengikut mana yang terendah.
- 4.4 Semua kontak rapat dengan keputusan ujian saringan pengesanan COVID-19 negatif hendaklah dikuarantin secara *cohorting* di tempat kediaman seperti sel penjara, asrama, hostel atau rumah yang bersesuaian; berdasarkan

penilaian risiko individu terdedah tersebut serta premis yang hendak digunakan.

- 4.5 Kuarantin dijalankan selama 10 hari dari tarikh akhir pendedahan kepada kes positif dengan pemantauan kesihatan sendiri. Sekiranya terdapat individu yang bergejala, kes diasingkan dan dibuat ujian pengesanan COVID-19. Kuarantin ke atas kohort ini perlu diteruskan untuk tempoh 10 hari lagi dari tarikh kes tersebut positif COVID-19.
- 4.6 Ujian saringan pada hari ke-10 tidak perlu dijalankan.
- 4.7 Majikan bertanggungjawab memastikan pekerja yang dikuarantin ini sentiasa mematuhi SOP, menjalankan pemantauan kesihatan sendiri dan tidak bertemu dengan pekerja lain bagi mengelakkan penularan berterusan di tempat kerja berlaku.

## 5. DOKUMEN RUJUKAN

- 5.1 Maklumat terperinci mengenai pengurusan kes COVID-19 ini boleh diperolehi dalam:
  - i. Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia di portal rasmi Kementerian Kesihatan Malaysia <https://www.moh.gov.my/>.
  - ii. Garispanduan *Clinical Protocol at Primary Care for Category 1 and Category 2 COVID-19 Positive Cases* yang disertakan.

## 6. TARIKH BERKUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini.

## 7. PERTANYAAN

- 7.1 Pihak YBhg. Datuk / Dato' Indera / Dato' / Datin / tuan / puan dikehendaki mengaktifkan talian *hotline* bagi

menguruskan pertanyaan dan aduan berkaitan pengurusan kes positif COVID-19 di rumah.

7.2 Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan dengan surat pekeliling ini, sila kemukakan kepada:

- i. Pengarah Kawalan Penyakit  
Aras 3, Blok E10, Parcel E, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590, Putrajaya.  
No. Telefon : 03 – 8883 4412 / 4510  
No. Faks : 03 – 8889 1013
  
- ii. Pengarah Pembangunan Kesihatan Keluarga  
Aras 7, Blok E10, Parcel E, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590, Putrajaya.  
No. Telefon : 03 – 8883 4011 / 2165  
No. Faks : 03 – 8888 2210

## 8. PENUTUP

YBhg. Datuk / Dato' Indera / Dato' / Datin / tuan / puan adalah bertanggungjawab untuk memastikan pekeliling ini dihebahkan dan dipatuhi. Komitmen semua petugas kesihatan dalam mencegah dan mengawal penularan jangkitan COVID-19 amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

*Saya yang menjalankan amanah,*



**(TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)**

s.k Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia

## **SENARAI EDARAN**

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan  
(Penyelidikan & Sokongan Teknikal)  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Lot 36, Jalan Universiti  
46350 Petaling Jaya, Selangor

Pengarah  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah  
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah  
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan  
Sungai Buloh

Pengarah  
Hospital Kuala Lumpur  
Jalan Pahang  
50586 Kuala Lumpur

Pengarah  
Institut Penyelidikan Perubatan  
Jalan Pahang  
50588 Kuala Lumpur

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis  
Tingkat 8, Bangunan Persekutuan  
Persiaran Jubli Emas,  
01000 Kangar, Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah  
Jalan Sultanah  
05350 Alor Star, Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang  
Tingkat 37, Komtar  
10590 Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab  
30590 Ipoh, Perak

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor  
Tingkat 9,10 & 11 Wisma Sunwaymas  
Lot 1 Jalan Persiaran Kayangan  
40100 Shah Alam, Selangor

Pengarah Kesihatan  
Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya  
Kompleks Pejabat-Pejabat Kesihatan  
Jalan Cenderasari  
50490 Kuala Lumpur

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan  
Jalan Lee Sam  
75090 Seremban, Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka  
Tingkat 6, Wisma Persekutuan  
Jalan Hang Tuah  
75300 Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor  
Tingkat 4, Blok B, Wisma Persekutuan  
Jalan Air Molek  
80590 Johor Bharu, Johor

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang  
Tingkat 12, Wisma Persekutuan  
Jalan Gambut  
25000 Kuantan, Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu  
Tingkat 5, Wisma Persekutuan  
Jalan Sultan Ismail  
29200 Kuala Terengganu, Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan  
Tingkat 5, Wisma Persekutuan  
Jalan Bayam  
15590 Kota Bahru, Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak  
Jalan Tun Abang Hj. Openg  
93590 Kuching, Sarawak

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah  
Tingkat 1, Rumah Persekutuan  
Peti Surat No. 11290  
88814 Kota Kinabalu, Sabah

Pengarah Kesihatan  
Jabatan Kesihatan WP Labuan  
WDT No.51  
87000 Labuan, Sabah



Ketua Pengarah  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Blok E3, Kompleks E  
62505 Putrajaya

Ketua Pengarah  
Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera  
Kementerian Pertahanan Malaysia  
Tingkat 12, Menara Mega Arena II  
Jalan Yap Kwan Seng  
50450 Kuala Lumpur

Pengarah  
Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)  
59100 Kuala Lumpur

Pengarah  
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM)  
Jalan Ya'acob Latif, Bandar Tun Razak,  
56000 Cheras, Kuala Lumpur

Pengarah  
Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia  
16150 Kubang Kerian, Kelantan

Lampiran 1

**'HOME ASSESSMENT TOOL' UNTUK PESAKIT COVID-19 DEWASA YANG MENJALANI KUARANTIN DI RUMAH**

Tandakan ( ✓ ) sekiranya mempunyai gejala berikut

SIMPTOM	D1	D2	D3	D4	D5	D6	D7	D8	D9	D10	CATITAN
Sakit tekak atau selesema											
Batuk											
*Demam											
*Sukar bernafas (SOB)											
Hilang deria rasa											
Hilang deria bau											
Cirit-birit											
Loya dan/atau muntah											
Kelesuan ( <i>Lethargy</i> )											
Sakit otot ( <i>Myalgia</i> )											
Boleh melakukan aktiviti harian											
*Sakit dada											
*Tidak dapat toleransi/mengambil makanan/minuman											
*Kelesuan yang bertambah teruk contohnya kesukaran bangun dari katil											
*Tidak boleh bangun tanpa bantuan											
*Gejala yang berterusan dan bertambah teruk seperti batuk, loya, muntah atau cirit birit											
*Tahap kesedaran berkurang											

(Reduced level of consciousness)																			
*Kekerapan/kuantiti air kencing yang berkurang dalam tempoh 24 jam																			

**NOTA:** Sekiranya gejala ( \* ) dialami oleh kes, ia menunjukkan kes dalam kategori 2 dan perlu dirujuk kepada klinik/hospital/pusat penilaian COVID-19 untuk penilaian lanjut.

**'HOME ASSESSMENT TOOL' UNTUK PESAKIT COVID-19 KANAK-KANAK YANG MENJALANI KUARANTIN DI RUMAH**  
(Diisi oleh ibu bapa / penjaga kanak-kanak tersebut)

SIMPTOM	D1	D2	D3	D4	D5	D6	D7	D8	D9	D10	CATITAN
Demam											
Sakit tekak atau selesema											
Batuk											
Muntah atau cirit-birit											
Aktif apabila dipegang											
<b>*Simptom melebihi 7 hari</b>											
<b>*Kelesuan</b>											
<b>*Tidak selera makan/minum</b>											
<b>*Mengadu sakit dada atau perut</b>											
<b>*Sejuk kaki dan tangan</b>											
<b>*Kurang urin dari biasa (dalam tempoh 24 jam)</b>											
<b>*Perubahan status mental</b>											
<b>*Sawan</b>											

**NOTA:** Sekiranya gejala ( \* ) dialami oleh kanak-kanak positif COVID-19, kes hendaklah dirujuk kepada hospital untuk penilaian lanjut.

**CARTA ALIR PENGURUSAN KES COVID-19 KATEGORI 1 & 2 DI TEMPAT KEDIAMAN**



